

MAHATHIR-DAKWAH

(1)

1981

KUALA LUMPUR, 24 NOV. (BERNAMA)-MALAYSIA HARI INI MENYATAKAN KESEDIAANNYA UNTUK MEMBANTU MEMPERKUKUH DAN MENJADIKAN KEGIATAAN DAKWAH BERKESAN DI SELURUH DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBUAT TAWARAN ITU BERIKRAR BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA BERTANGGUNGJAWAB PENUH TERHADAP TUGAS TERSEBUT.

+SAYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA DI MALAYSIA, KAMI MEMPUNYAI BANYAK TENAGA UNTUK DISALURKAN KEPADA KEGIATAN DAKWAH,+ UJAR BELIAU.

PERDANA MENTERI BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA TAHUN HIJRAH KE-15 DI SINI YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 400 PESERTA MEWAKILI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DAKWAH ISLAMIAH DARI 40 BUAH NEGARA.

BELIAU MENYELAR ORANG-ORANG ISLAM YANG MENGARAHKAN AJARAN ISLAM KEPADA MATLAMAT LAIN.

BELIAU MENEGASKAN BAGI ORANG-ORANG INI, SALAH TAFSIR TIDAK BEGITU PENTING ASALKAN MEREKA BERJAYA MENCAPI MATLAMAT SEBENAR MEREKA.

+AKIBATNYA PERBUATAN MEREKA MENCEMAR AJARAN ISLAM DENGAN PERKARA-PERKARA YANG DILUAR AJARAN ISLAM ATAU SEHINGGA MENGECAP ORANG-ORANG ISLAM SEBAGAI BUKAN ISLAM,+ TAMBAHNYA.--BERSAMBUNG 1314/HM

MAHATHIR-DAKWAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJARAH ISLAM PENUH DENGAN PERISTIWA BAGAIMANA GOLONGAN YANG MENYELEWENG DITUBUHKAN DAN BAGAIMAN PEMBUNUHAN DIJADIKAN SENJATA OLEH SETENGAH-SETENGAH KUMPULAN TERSEBUT.

DUNIA ISLAM HARI INI, TEGASNYA, SEKALI LAGI MENYAKSIKAN KEMUNCULAN KUMPULAN SEUMPAMA ITU.

+DI MALAYSIA SENDIRI, KITA TELAH MENYAKSIKAN PERCUBAAN MEMBUNUH ORANG-ORANG YANG TIDAK BERDOSA DAN KAKITANGAN AWAM OLEH SATU KUMPULAN AJARAN SONGSANG,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA DI KEBANYAKAN KAMPUNG DI NEGARA INI, UMAT ISLAM BERPECAH-BELAH SESAMA SENDIRI SEHINGGA MEREKA BUKAN SAHAJA TIDAK MAHU BERJEMAAH DI MASJID YANG SAMA MALAH TIDAK MENGIKTIRAF PERKAHWINAN YANG DIJABKABULKAN OLEH ORANG-ORANG YANG MEREKA BENCI ATAU PUN ENGGAN MEMBACA TALKIN BAGI JENAZAH ORANG-ORANG ISLAM YANG MEREKA KECAM SEBAGAI BUKAN ISLAM.

MENURUTNYA, AGAMA BUKAN SAHAJA SATU IDEOLOGI TETAPI JUGA MERUPAKAN SATU PEGANGAN KUAT YANG SUKAR DIUBAH.

KATANYA APABILA SESUATU TAFSIRAN TENTANG AJARAN AGAMA TELAH DITERIMA, ADALAH TIDAK MUNGKIN TERUTAMA DI KALANGAN UMAT ISLAM UNTUK MEMPERBETULKAN ATAU MENGUBAH TAFSIRAN TERSEBUT.—BERSAMBUNG 1323/HM

B529

MAHATHIR—DAKWAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SESAMA UMAT ISLAM SENDIRI, PENGIKUT SESUATU MAZHAB TIDAK AKAN SEMUDAHNYA MENERIMA AJARAN DARI MAZHAB YANG LAIN, WALAUPUN MEREKA AKAN MENERIMA MAZHAB ITU SEBAGAI ISLAM.

+SUDAH TENTUNYA APABILA MEREKA MENGANGGAP SESUATU MAZHAB ITU SEBAGAI BUKAN ISLAM, MEREKA TIDAK AKAN MEMBENARKAN DIRI MEREKA UNTUK DIPENGARUHI.

+SEBALIKNYA, PENGIKUT MAZHAB YANG DIANGGAP SEBAGAI BUKAN ISLAM ITU MUNGKIN MENSIFATKAN DAKWAAN ITU SEBAGAI SALAH DAN TAFSIRAN MEREKA MENGENAI ISLAM ADALAH YANG BETUL.+

KATANYA: +AKIBATNYA, MEREKA AKAN MENGANUT TAFSIRAN MEREKA YANG SALAH ITU WALAU APAPUN YANG AKAN TERJADI. KEPADA MEREKA, MEREKA SAHAJA YANG MEMPUNYAI TAFSIRAN MENGENAI ISLAM YANG SEBENARNYA DAN MEREKA AKAN BERPEGANG KEPADA PENDAPAT MEREKA ITU DENGAN TIDAK MAHU MELEPASKANNYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APABILA SESUATU TAFSIRAN TELAH DITERIMA, ADALAH SUKAR ATAU HAMPIR TIDAK MUNGKIN UNTUK DIBAIKI.

INI ADALAH KERANA AGAMA MERUPAKAN SATU KEPERCAYAAN, DI MANA KEBANYAKANNYA DITERIMA TANPA DIPERSOALKAN, TAMBAHNYA.—BERSAMBUNG 1336/

B530

MAHATHIR—DAKWAH 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA AJARAN DARI AL-QURAN AKAN DAPAT DIPENUHI SEKIRANYA AJARAN YANG EPAT DAN YANG DITERIMA ITU DIPERKEMBANGKAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA UNTUK MENGEMBANGKAN TAFSIRAN YANG SALAH TIDAK AKAN DITERIMA SEBAGAI KEGIATAN DAKWAH.

+IA ADALAH BERTENTANGAN DENGAN KEGIATAN DAKWAH SEBENARNYA DAN SESUATU MASYARAKAT ISLAM TELAH GAGAL MEMAINKAN PERANANNYA JIKA MEREKA BERDIAM DIRI SEDANGKAN SESEORANG ITU SEDANG BERUSAHA MEROSAKAN KEIMANAN MASYARAKAT ISLAM.+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI JUGA BELAKANG KONSEP BARAT MENGENAI HAK-HAK INDIVIDU YANG KATANYA MENGGALIBKAN KEMUSNAHAN NILAI-NILAI MORAL.

INI, KATANYA DAPAT DISAKSIKAN DENGAN ORANG-ORANG BERLARI BERBOCEL DI KHALAYAK RAMAI SEBAGAI MENUNJUKKAN KEBEBASAN INDIVIDU.

DENGAN MELETAKKAN HAK-HAK INDIVIDU SEUMPAMA ITU MASYARAKAT TIDAK MERASAKAN SESUATU SKANDAL BERLAKU DARI PERBUATAN TERSEBUT DAN SEBALIKNYA LAPORAN AKHBAR MENERIMANYA DENGAN KESERONOKAN.+ TAMBAHNYA.—BERSAMBUNG 1355/HM

B533

MAHATHIR—DAKWAH 5 KUALA LUMPUR

KATANYA LAIN-LAIN CARA MENUNJUKKAN KEBEBASAN INDIVIDU ITU IALAH +MEMAKAI PAKAIAN YANG MENJOLOK MATA, MENCONTENG MUKA, MENYALAHGUNAKAN DADAH DAN BERSUKARIA YANG MELAMPAUI BATAS.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR DUKACITA KERANA MASYARAKAT TELAH GAGAL UNTUK MENGHALANG KEGIATAN-KEGIATAN ITU YANG PADA SATU MASA DULU DIANGGAP OLEH KEBUDAYAAN BARAT SEBAGAI MEROSAKKAN.

+SEMUA ORANG SEOLAH-OLAHNYA TELAH DIBENARKAN UNTUK MEMBUAT SESUKA HATI MASING-MASING+, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA ISLAM TIDAK MENERIMA KEBEBASAN INDIVIDU SEPERTI ITU KERANA TERDAPAT LAIN-LAIN ETHIKA CARA HIDUP YANG PATUT DIKUTI DALAM MASYARAKAT ISLAM.

KATANYA DALAM MENGAJAR DAN MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM, MASYARAKAT ISLAM MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB BAGI MEMPASTIKAN KEBEBASAN INDIVIDU DAN AJARAN YANG MEROSAKKAN AGAMA ISLAM TIDAK AKAN DIBENARKAN BERTERUSAN.

—BERNAMA 1419/AN